

Newspaper	Berita Harian
Date	25 March 2016

Tun M perlu kembali pegang pada prinsip perjuangan

BH - 25/3/2016

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad diingatkan kembali berpegang pada prinsip perjuangan, ajaran serta nasihatnya sebelum ini yang meminta setiap pemimpin mesti mempertahankan kepemimpinan.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata bekas Perdana Menteri itu seharusnya ingat akan kenyataannya bahawa jika seseorang naik mahu membentuk kerajaan dengan cara 'membunuh'

pemimpin, maka seseorang yang naik itu nanti akan 'dibunuh' juga'.

"Dia (Dr Mahathir) pernah ingatkan kami (pemimpin) dulu dengan kata-kata itu, malah dia pernah sebut dalam satu daripada ucapannya ketika Perhimpunan Agung UMNO.

"Kalau kita naik dengan cara 'membunuh' maka kamu akan 'dibunuh', kalau naik dengan cara kudeta (rampasan kuasa), maka kudeta akan berulang lagi, kudeta akan menghadapi

kudeta.

"Sama macam sekarang, apabila kutip tanda tangan nak jatuhkan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak), maka Perdana Menteri yang dilantik selepas ini, orang lain pula akan kutip tandatangan nak jatuhkan. Cara ini sudah pasti tidak baik buat negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan bersama Biro Publisiti GERAKAN, di Ibu Pejabat GERAKAN di sini,

semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung GERAKAN, Datuk Liang Teck Meng serta Naib Presiden GERAKAN, Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai

Annuar yang juga Ahli Parlimen Ketereh berkata, mahu menjatuhkan seorang Perdana Menteri bukanlah sukar dan prosesnya cukup mudah tanpa perlu menyusahkan rakyat.

"Kalau tidak suka Najib, Dr Mahathir boleh (bertanding) kalahkan Najib di Pekan, kalau (Najib) kalah dia tidak boleh jadi Perdana Menteri atau kalahkan BN (Barisan Nasional), kalau BN tidak dipilih oleh rakyat maka BN tak boleh lantik Perdana Menteri," katanya.